



Maybank
Islamic



Maybank

Kempen “SAVE Now” - Terma dan Syarat

1. Kempen “SAVE Now” (“**Kempen**”) bermula pada 1 Ogos 2024 dan tamat pada 31 Jan 2025 (termasuk kedua-dua tarikh), melainkan diberitahu sebaliknya (“**Tempoh Kempen**”).
2. Kempen ini dianjurkan oleh Malayan Banking Berhad (196001000142) dan Maybank Islamic Berhad (200701029411) (“**Maybank**” secara kolektif) dan tertakluk pada Terma-Terma dan Syarat-Syarat berikut (“**Terma dan Syarat**”).
3. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Yang Layak (rujuk Klausa 4) bersetuju untuk mematuhi Terma dan Syarat ini dan segala keputusan yang dibuat oleh Maybank berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad dan mengikat.

Pelanggan Yang Layak

4. Kempen ini adalah terbuka kepada semua pemegang akaun Maybank baharu dan sedia ada (yang terdiri daripada pemegang akaun individu dan akaun bersama) (dirujuk sebagai “**Pelanggan Yang Layak**” selepas ini) daripada senarai akaun berikut (“**Akaun Penyertaan**”):

| (i) Akaun Konvensional | (ii) Akaun Patuh Syariah |
|---|--|
| <ul style="list-style-type: none"> • Maybank2u.Premier (“M2u.Premier”) • Maybank2u Savers (“M2u Savers”) • Kawanku Savings Account (“Kawanku”) • Basic Savings Account (“BSA”) • Golden Savers Savings Account (“GSSA”) | <ul style="list-style-type: none"> • Zest-i Account (“Zest-i”) • Maybank2u Savers-i (“M2u Savers-i”) • Savings Account-i (“SA-i”) • Basic Savings Account-i (“BSA-i”) • Golden Savvy Account-i (“GSA-i”) |
| (iii) Tabung menerusi aplikasi MAE [Nota: Buat masa ini hanya Tabung konvensional yang ditawarkan] | |
| Malayan Banking Berhad dan Maybank Islamic Berhad ialah ahli Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (“PIDM”). Perlindungan PIDM tertakluk pada kriteria yang boleh diinsuranskan. Sila rujuk senarai deposit yang diinsuranskan melalui www.maybank2u.com.my untuk maklumat lanjut. | |

5. Bagi akaun bersama, hanya pemegang akaun utama sahaja akan dianggap sebagai Pelanggan Yang Layak.
Bagi Tabung berkumpulan, hanya pencipta Tabung sahaja akan dianggap sebagai Pelanggan Yang Layak.
6. Semua kakitangan Kumpulan Maybank tidak layak menyertai Kempen ini.



Kriteria Kelayakan & Mekanisma Kempen

7. Untuk melayakkan diri dalam Kempen ini, Pelanggan Yang Layak mesti memenuhi kriteria yang berikut:

Bagi pemegang akaun Maybank baharu dan sedia ada di bawah Klausula 4 (i) & (ii)

- Membuka/memegang mana-mana Akaun Penyertaan;
- Menambah Baki Purata Harian (“BPH”) minimum sebanyak RM2,500 dalam Akaun Penyertaan sepanjang Tempoh Kempen; dan
- Mengekalkan Baki Akhir Bulan (“BAB”) minimum sebanyak RM2,500 pada akhir Tempoh Kempen, iaitu 31 Jan 2025.

Bagi Pendeposit Baharu Tabung MAE di bawah Klausula 4 (iii)

- Buka Tabung kategori ‘Rainy Day’ sepanjang Tempoh Kempen
- Mengekalkan simpanan minimum RM2,500 di dalam Tabung pada akhir Tempoh Kempen, iaitu 31st Januari 2025
- Pelanggan boleh membuka beberapa Tabung di bawah kategori ‘Rainy Day’ dan memperoleh penyertaan, dengan syarat memenuhi kriteria di atas

8. Pelanggan yang Layak akan mendapat penyertaan untuk cabutan hadiah berdasarkan jadual seperti yang digambarkan di bawah:

| Kriteria | Jumlah Julat Penambahan BPH | Bilangan Penyertaan (Akaun Konvensional / Patuh Syariah) |
|--|---|---|
| Jumlah penambahan BPH sepanjang Tempoh Kempen* | RM2,500 -RM4,000 | 5 |
| | RM4,001-RM6,000 | 10 |
| | RM6,001-RM8,000 | 15 |
| | RM8,001 - RM10,000 | 20 |
| | RM10,001 -Setiap penambahan BPH sebanyak RM2,000 | 25 Penambahan 5 penyertaan |

Nota: * Terpakai untuk pemegang akaun yang mengambil bahagian di bawah Klausula 4 (i) dan (ii)

9. Penyertaan tambahan akan diberikan untuk kategori berikut tertakluk kepada memenuhi kriteria kelayakan yang ditakrifkan dalam Klausula 7.

- 9.1 Pelanggan Yang Layak yang membuka mana-mana Akaun Penyertaan baharu semasa Tempoh Kempen akan memperoleh 5 penyertaan tambahan di bawah Akaun Konvensional atau 10 penyertaan tambahan di bawah Akaun Patuh Syariah
- 9.2 Pekerja yang berdaftar bawah pakej Maybank Work+ akan memperoleh 5 penyertaan tambahan
- 9.3 Pelanggan Yang Layak yang membuka Tabung baharu menerusi aplikasi MAE app di bawah kategori ‘Rainy Day’ akan memperoleh 5 penyertaan tambahan.
[Nota: Buat masa ini hanya Tabung konvensional yang ditawarkan]



- 9.4 Pelanggan Yang Layak yang memenuhi kriteria yang ditetapkan dalam jadual di bawah dalam Tempoh YEAR END Bonus akan memperoleh penyertaan bonus tambahan:

Tempoh YEAR END Bonus: 1 Disember 2024 - 31 Disember 2024

| Kriteria (YEAR END Bonus) | Jumlah Julat Penambahan BAB | Bilangan Penyertaan (Akaun Konvensional/ Patuh Syariah) |
|---|-----------------------------|---|
| Jumlah penambahan BAB pada 31 Disember 2024 | RM5,000 - RM10,000 | 20 |
| [Garis Dasar : 30 November 2024] | Melebihi RM10,000 | 50 |

10. Pengiraan BAB adalah seperti berikut:

$$\text{BAB} = \text{Baki simpanan dalam akaun pada 31 Jan 2025}$$

11. Pengiraan penambahan BPH bagi Kempen ini adalah seperti berikut:

- i. Bagi akaun baharu (iaitu, akaun dibuka semasa Tempoh Kempen):

Penambahan BPH sepanjang Tempoh Kempen

$$= \frac{\text{Jumlah Baki Akhir Harian dari tarikh pembukaan akaun sehingga 31 Jan 2025}}{\text{Bilangan hari dari tarikh pembukaan akaun sehingga 31 Jan 2025}} - \text{Garis Dasar}$$

- ii. Bagi akaun sedia ada (iaitu, akaun dibuka sebelum Tempoh Kempen):

Penambahan BPH sepanjang Tempoh Kempen

$$= \frac{\text{Jumlah Baki Akhir Harian dari 1 Aug 2024 sehingga 31 Jan 2025}}{\text{Bilangan hari dalam tempoh kempen, iaitu 184 hari}} - \text{Garis Dasar}$$

Contoh Pengiraan

Jumlah Bilangan Hari: 184 hari, dari 1 Ogos 2024 hingga 31 Januari 2025

Penambahan BPH Minimum: RM2,500

Simpanan Harian = $\frac{\text{Penambahan BPH Minimum}}{\text{Jumlah Bilangan Hari}}$

$$= \frac{\text{RM2,500}}{184 \text{ hari}}$$

$$= \text{RM13.59}$$

$$= \text{RM14 (Dibundarkan kepada angka terdekat)}$$

12. Pengiraan Garis Dasar adalah seperti berikut:

- i. Bagi akaun baharu yang dibuka semasa Tempoh Kempen, Garis Dasar bagi Kempen adalah sifar (0).
ii. Bagi akaun sedia ada, Garis Dasar bagi Kempen adalah BPH bagi bulan Julai 2024.

$$\text{Garis Dasar} = \text{BPH bagi bulan Julai 2024} = \frac{\text{Jumlah Baki Akhir Harian pada bulan Julai 2024}}{31 \text{ hari}}$$



13. Penyertaan daripada semua Pelanggan Yang Layak akan diambil kira secara automatik oleh sistem Maybank dari peringkat akaun sebelum dijumlahkan pada peringkat pelanggan bagi pemilihan pemenang secara rawak, yang akan dipilih menggunakan program rawak Maybank selepas tamat Tempoh Kempen daripada kumpulan Pelanggan Yang Layak.

Hadiah Kempen

14. Kempen ini menawarkan Hadiah (“**Hadiah**”) seperti berikut:

| Kategori | Hadiah | Jumlah Pemenang |
|-----------------|--|-----------------|
| Hadiah Utama | Proton X70 1.5 TGDI Standard | 2 |
| Hadiah Pertama | RM10,000 worth of Maybank Islamic Gold Account-i (MIGA-i) | 5 |
| Hadiah Kedua | RM5,000 worth of Maybank Islamic Gold Account-i (MIGA-i) | 15 |
| Hadiah Ketiga | RM1,000 worth of Maybank Islamic Gold Account-i (MIGA-i) | 80 |
| Hadiah Saguhati | RM500 tunai | 308 |

15. Setiap Pelanggan Yang Layak hanya berhak memenangi maksimum satu (1) Hadiah.
16. Pengedaran Hadiah
- i. Semua Hadiah Kempen akan diedarkan dalam tempoh tiga (3) bulan selepas Tempoh Kempen berakhir, iaitu sebelum 30 Apr 2025 atau mana-mana tarikh yang ditentukan oleh pihak Maybank.
 - ii. Pemenang perlu memegang sekurang-kurangnya satu (1) Akaun Penyertaan yang sah dan aktif untuk pengkreditan Hadiah Wang Tunai. Sebarang Hadiah Wang Tunai yang tidak berjaya dikreditkan akan dibatalkan.
 - iii. Pemenang bertanggungjawab untuk memastikan maklumat perhubungan yang disimpan dalam rekod Maybank adalah terkini.
 - iv. Selepas pengedaran, Maybank tidak akan bertanggungjawab lagi ke atas penggunaan hadiah.
 - v. Maybank berhak untuk menggantikan hadiah (nilai yang akan ditentukan oleh Maybank) atas sebab-sebab yang dianggap wajar oleh Maybank. Maybank akan memberitahu Pemenang melalui Electronic Direct Mailer (eDM) atau melalui mana-mana cara komunikasi yang dianggap sesuai oleh Maybank.
 - vi. Hadiah akan diberi secara sedia ada (“as is” basis) dan tidak boleh dipindah milik atau ditukarkan, dan tertakluk pada Terma dan Syarat.
17. Pemenang mungkin dikehendaki untuk menghadiri majlis penyampaian Hadiah dan/atau program publisiti lain apabila diperlukan (jika ada) dan Pemenang bersetuju untuk mendedahkan maklumat berkaitan melalui mana-mana cara yang ditentukan oleh Maybank berdasarkan Terma dan Syarat ini. Kegagalan untuk menghadiri majlis penyampaian Hadiah dan/atau program publisiti lain mungkin akan menyebabkan pembatalan Hadiah.
18. Pelanggan Yang Layak yang menutup akaun sebelum pemilihan Pemenang, pengedaran hadiah diselesaikan dan dimaklumkan sebagai pemenang (yang mana lebih lambat) tidak layak menerima Hadiah Kempen ini.
19. Hanya Pelanggan Yang Layak dengan Akaun Penyertaan yang aktif layak untuk menyertai Kempen. Akaun Penyertaan yang berada dalam status tidak aktif (‘dormant’) tidak akan dipertimbangkan.



Maybank
Islamic



Maybank

20. Keputusan Maybank mengenai semua perkara berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad, konklusif dan mengikat. Sebarang surat-menyurat, rayuan, bantahan atau usaha untuk mempertikaikan perkara yang sama tidak akan dilayan sama sekali.
21. Gambar Hadiah yang dipamerkan dalam iklan, promosi, dan bahan-bahan publisiti lain berkaitan dengan Kempen ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan spesifikasi sebenar mungkin berbeza.
22. Sebarang pertikaian berkaitan kualiti, kebolehdagangan dan/atau jaminan Hadiah (yang berkenaan) mesti diselesaikan antara Pemenang dengan pengedar/pembekal tanpa melibatkan Maybank. Maybank tidak bertanggungjawab atas pelanggaran kualiti atau jaminan Hadiah, atau apa-apa terma dan syarat yang berkaitan.
23. Setiap Pelanggan Yang Layak bertanggungjawab secara peribadi ke atas segala cukai, kadar, yuran kerajaan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan, di bawah undang-undang yang terpakai, jika ada.
24. Jika terdapat apa-apa pertikaian (kecuali pertikaian di bawah Klausula 22) berkaitan pengedaran hadiah atau tiada penerimaan Hadiah, Pemenang dikehendaki menghubungi Perkhidmatan Pelanggan Maybank di 1300 88 6688 untuk pertanyaan.

Terma & Syarat Am

25. Maybank tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan bagi apa jua kegagalan teknikal, intervensi, gangguan, dan/atau kesilapan elektronik atau manusia dalam pentadbiran dan/atau pemprosesan transaksi yang dilakukan melalui aplikasi MAE, Maybank2u Biz, Maybank2u, atau Maybank2e dengan syarat perkara tersebut tidak berpunca daripada Maybank.
26. Maybank berhak menarik balik, membatalkan, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Kempen ini lebih awal, keseluruhannya atau sebahagian daripadanya, dan berhak mengubah mana-mana terma dan syarat yang terkandung dalam dokumen ini, dari semasa ke semasa dengan memberikan sekurang-kurangnya minimum dua puluh satu (21) hari ("hari" hendaklah mempunyai maksud yang sama dengan hari kalendar) notis terlebih dahulu, dan notis berkenaan hendaklah disiarkan melalui laman web Maybank2u di www.maybank2u.com.my atau melalui apa-apa saluran lain yang didapati sesuai oleh Maybank. Pelanggan yang Layak bertanggungjawab untuk mendapatkan maklumat tentang ataupun mencari apa-apa notis sedemikian yang disiarkan secara sah.
27. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak bersetuju untuk mengakses laman sesawang Maybank2u di www.maybank2u.com.my secara tetap bagi melihat terma dan syarat dalam dokumen ini dan mendapatkan penjelasan daripada Maybank jika terdapat mana-mana Terma & Syarat yang tidak difahami sepenuhnya.



28. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat dalam dokumen ini serta bersetuju dan memberikan kebenaran supaya data peribadinya dikumpul, diproses dan digunakan oleh Maybank menurut penyata privasi Maybank yang boleh didapati di www.maybank2u.com.my ("*Maybank Privacy Statement*") dan pada Borang PDPA untuk Pelanggan-Pelanggan Individu.

Sebagai tambahan kepada dan tanpa menjejaskan terma dalam *Maybank Privacy Statement* dan Borang PDPA untuk Pelanggan-Pelanggan Individu, Pelanggan yang Layak bersetuju dan membenarkan data atau maklumat peribadinya dikumpul, diproses dan digunakan oleh Maybank untuk:

- i) tujuan Kempen; dan
- ii) aktiviti pemasaran dan promosi yang dijalankan oleh Maybank, termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa bentuk pengiklanan atau media dan bahan publisiti seperti rakaman audio dan/atau visual yang diterbitkan melalui akhbar, rangkaian televisyen, stesen radio atau media dalam talian dan media digital serta dalam internet. Aktiviti pemasaran dan promosi termasuk dan tanpa had kepada penggunaan dan/atau penyiaran apa-apa butiran yang diberikan dalam dan/atau yang berhubung dengan penyertaan, bahan temu bual serta respons dan gambar yang berkaitan. Dalam hal ini, Pelanggan yang Layak bersetuju untuk bekerja sama dan mengambil bahagian dalam semua aktiviti pengiklanan dan publisiti Maybank yang berkaitan dengan Kempen.

*Nota: "PDPA" merujuk kepada *Personal Data Protection Act (2010)* (Akta Perlindungan Data Peribadi (2010)).

29. Maybank dan pegawai, kakitangan, pekerja, wakil dan/atau ejennya (termasuk dan tanpa had kepada mana-mana penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang dilantik oleh Maybank untuk tujuan Kempen ini) tidak bertanggungjawab terhadap Pelanggan yang Layak dalam Kempen ini bagi apa-apa kerugian atau kerosakan langsung, tidak langsung, khas atau berbangkit (termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik) yang timbul daripada atau yang berhubung dengan Kempen ini melainkan disebabkan oleh apa-apa kecuaiian atau peninggalan melampau oleh Maybank.
30. Maybank tidak akan bertanggungjawab bagi apa-apa kegagalan obligasinya di bawah Kempen ini yang disebabkan oleh apa-apa peristiwa force majeure yang termasuk tetapi tidak terhad kepada bencana alam, kekacauan awam, tindakan perang, mogok, rusuhan, sekatan masuk, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, epidemik dan pandemik atau apa-apa peristiwa dan keadaan walau apa pun sifatnya, yang di luar kawalan munasabah Maybank.
31. Maybank boleh membatalkan/menolak mana-mana Pelanggan yang Layak yang tidak mematuhi terma dan syarat yang dinyatakan dalam dokumen ini dan/atau didapati atau disyaki mengubah Kempen dan/atau prosesnya atau operasi Kempen ini yang termasuk aktiviti pemalsuan melibatkan apa-apa tindakan tipu helah dan/atau perdayaan dan/atau penipuan berhubung dengan Kempen.
32. Terma dan Syarat ini hendaklah dikawal oleh Undang-undang Malaysia dan tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.

Untuk maklumat, pertanyaan, maklum balas dan/atau aduan berkaitan dengan Kempen ini, sila hubungi talian utama Pusat Khidmat Pelanggan Maybank di 1 300 88 6688 atau +603 7844 3696. Sebagai alternatif untuk maklum balas dan/atau aduan, Pelanggan yang Layak boleh memilih untuk menghantar e-mel kepada Maybank melalui borang maklum balas di laman web Maybank2u www.maybank2u.com.my.